



PESERTA bersama tangkapan masing-masing mengabadikan kenangan bersama Dr Ismail Ali (ketiga kanan)

# Kesedaran nelayan tentukan kelangsungan sumber marin

DE 14.04.2012 3

SEMPORNA: Universiti Malaysia Sabah (UMS) sentiasa mencari inisiatif meningkatkan kecekapan penghasilan komuniti nelayan di Sabah bagi menentukan kelangsungan sumber marin di negeri ini.

Naib Canselor UMS, Brig. Jen. Prof. Datuk Seri Dr. Kamaruzaman Hj Ampon berkata pelbagai projek dijalankan termasuklah penyelidikan berkaitan pengkulturan rumpai laut, penternakan ikan dalam sangkar, penggunaan payao (unjang ikan), pembangunan pendidikan anak-anak nelayan serta khidmat nasihat.

"Kita juga mengambil kira tentang pentingnya kesedaran nelayan dalam menentukan kelangsungan sumber marin di Sabah," kata Kamaruzaman memberikan ulasan mengenai projek UMS memperkenalkan penggunaan Payao di Semporna bagi meningkatkan tangkapan nelayan.

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) UMS, ACP Prof. Madya Datuk Dr. Kasim Hj. Md. Mansur pula melahirkan harapan agar program pembuatan dan pemasangan payao ikan tuna dapat diperluaskan lagi bagi mendekatkan kerjasama antara pelajar dan masyarakat setempat dalam proses peningkatan kemahiran insaniah di kalangan pelajar IPTA.

Demi mencapai matlamat tersebut, UMS dengan kerjasama Majlis Kesukarelawanan Universiti-Universiti Malaysia (Maskum) telah mengadakan Pertandingan Memancing Ikan Laut Dalam pada 8-11 April 2012.

Pertandingan tersebut telah diadakan di dua buah payao di perairan Semporna dan telah menarik penyertaan seramai 45 komuniti nelayan di Pulau Mabul, Semporna serta kakitangan UMS.

Penyelaras Pertandingan, Prof. Madya Dr. Ismail Ali memberi tahu, pertandingan itu diadakan bagi meningkatkan lagi tahap kesedaran dan keprihatinan para nelayan di Semporna terhadap penjagaan sumber marin, menggalakkan nelayan menceburkan

diri dalam perikanan laut dalam, menguji keberhasilan sumber ikan di payao dan memberi tunjuk ajar mengenai kaedah mengurus tadbir sendiri dua buah payao yang telah diperuntukkan kepada nelayan.

"Walaupun Semporna merupakan antara pusat pendaratan ikan utama di Sabah namun masalah penangkapan ikan berlebihan, penggunaan bahan letupan dan racun serta penangkapan ikan Yu terus berlaku, justeru kesedaran dan komitmen para nelayan sangat diperlukan sebagai penentu utama dalam usaha melestarikan sumber marin di Semporna dan Sabah keseluruhannya," kata Ismail.

Dalam pertandingan itu, Abd Shukor bin Danabai muncul Raja Pancing UMS 2012 kategori tangkapan seekor ikan apabila berjaya membuat tangkapan ikan tuna gergasi (kayu balak) seberat 85kg. Shukor meraih hadiah wang tunai RM1000, Jacket Raja Pancing, trofi Naib Canselor dan hamper.

Abdul bin Asamli pula menjadi johan kategori keseluruhan berat tangkapan apabila berjaya mendaratkan dua ekor ikan seberat 95kg dan menerima hadiah wang tunai RM700, Jacket Raja Pancing, trofi Timbalan Naib Canselor, alat pancing dan hamper.

Naib Johan dimenangi oleh Sahid bin Dollah dengan tangkapan tiga ekor ikan tuna seberta 75kg dengan hadiah RM500, trofi Pendaftar UMS, alat pancing dan hamper. Hinmin Chiam Tah Kong dari UMS pula menduduki tempat keempat dengan tangkapan seekor ikan tuna seberta 42kg.

Payao merupakan istilah perikanan setempat yang menggunakan daun kelapa untuk menarik kedatangan kawanan ikan tuna berkumpul dan berlingung.

Pengkaji dari UMS telah mengubahsuai peralatan dan pemasangan Payao itu dan kini mula memberikan impak yang menggembirakan kepada golongan nelayan tradisional.